

Projek kolam takungan sah


IADA mempunyai bukti kelulusan dari Kerajaan Negeri

KUALA SELANGOR - Pihak pengurusan Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor tampil menjelaskan bahawa Projek pembinaan kolam takungan air seluas 88.41 hektar di Pancang Bedena, Sabak Bernam yang dimulakan sejak Mac 2010 diluluskan Kerajaan Negeri.

Pengarahnya, Muhammad Nasir Kushairi berkata, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) meluluskan pewartan tanah bagi rizab kolam takungan yang terletak di dalam kawasan Hutan Rizab Sungai Karang itu selain menerima kelulusan permit penggunaan oleh Jabatan Perhutanan Selangor.

Menurutnya, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebelum ini secara rasmi meluluskan permohonan itu pada 29 Januari 2011 manakala permit penggunaan bagi memasuki kawasan hutan diterima daripada Jabatan Perhutanan Negeri dan ia sah laku dari 4 Januari lalu sehingga 31 Disember 2012.

"Sehingga kini IADA Barat Laut Selangor masih menunggu kelulusan permit batuan dan tanah selepas permit individu dihentikan pada hujung 2011 lalu dan kontraktor terpaksa membuat kerja selain kerja tanah seperti pemasangan paip keluar



Kawasan projek takungan air yang masih berdepan isu permit batuan dan tanah sehingga menjejaskan pelaksanaannya.

dan masuk, pembinaan rumah pam serta pencawang elektrik.

"IADA Barat Laut Selangor turut mengeluarkan cagaran berjumlah RM500,000 kepada Jabatan Perhutanan Selangor dan menanggung kos bayaran permit penggunaan berjumlah RM64,161. Bahkan projek bernilai RM25.76 juta turut mendapat sokongan Jabatan Perhutanan Selangor.

"Projek kita amat memerlukan tanah merah untuk membuat ban bagi menyokong struktur binaan kolam takungan itu dan kontraktor dilantik memaklumkan permohonan baru sudah dibuat, namun sehingga kini masih belum mendapat jawapan," katanya pada sidang media di Kompleks

IADA Barat Laut, di sini semalam.

Penjelasan itu jelas bercanggah dan menolak dakwaan Pengerusi Jawatankuasa Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Yaacob Sapari yang menyatakan Kerajaan Negeri tidak meluluskan permit batuan dan tanah atas alasan IADA Barat Laut tidak mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa negeri.

Media sebelum ini melaporkan Yaakob turut mendakwa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta IADA Barat Laut tidak memohon kepada Kerajaan Negeri untuk menggunakan kawasan hutan untuk projek takungan bagi tujuan pengairan tanaman padi di negeri itu.

Mengulas lanjut, Muhammad Nasir berkata, pihaknya memohon jasa baik Kerajaan Negeri mempercepat kelulusan permit batuan dan tanah bagi membolehkan kerja pembinaan ban yang tinggal 45 peratus dilaksanakan mengikut jadual kerana kawasan sawah Pancang Bedena dan Bagan Terap sering berdepan masalah kekurangan air.

"Projek pembinaan takungan air yang dirancang pada Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) pada 2010 dan disambung ke RMK-10 lalu itu bertujuan untuk membantu meningkatkan kapasiti simpanan air di terusan utama berjumlah 1.5 juta meter padu air ketika musim kemarau dan dijangka siap 5 Ogos 2013 selepas



Muhammad Nasir (kiri) menunjukkan kawasan projek yang tergendala akibat tiada kelulusan permit batuan dan tanah.

mendapat lanjutan setahun dari tarikh asal.

"Projek takungan air itu dilihat mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi daripada 4.9 tan metrik per hektar kepada tujuh tan metrik per hektar setiap musim sekali gus mampu meningkatkan pendapatan golongan pesawah di kawasan itu.

"Jika projek ini gagal dilaksanakan semata-mata kerana kesulitan permohonan permit batu dan tanah oleh kontraktor, ia boleh jejas usaha Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan kolam takungan air bagi 18,900 hektar sawah yang sebelum ini bergantung sepenuhnya bekalan air di Sungai Bernam dan Sungai Tenggi," katanya.